



**"RAJA DISAYANGI RAKYAT SEJAHTERA".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ عِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾<sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Marilah kita bertakwa ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketaqwaan, kita akan mendapat pengampunan dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khutbah Jumaat pada kali ini adalah bertajuk <b>"RAJA DISAYANGI, RAKYAT SEJAHTERA."</b>  <b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	6
<p>Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan keteguhan struktur pentadbiran negara yang bertunjangkan kepada sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen telah menjamin suasana negara yang aman, stabil dan harmoni.</p>	7
<p>Sesungguhnya institusi Raja memainkan peranan penting dalam mengembangkan dan memelihara Islam. Sejarah yang lalu telah membuktikan apabila Raja memeluk agama Islam, maka berduyun-duyunlah rakyat memeluk agama Islam sehingga rakyat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera. Malah dengan mengamalkan ajaran Islam, hubungan erat antara raja dan rakyat bertambah baik serta sayangnya rakyat kepada raja bertambah kuat kerana Islam memerintahkan seseorang pemimpin itu hendaklah berlaku adil dan mengajar umatnya supaya mentaati Allah, Rasul dan pemimpin.</p>	8

<sup>1</sup> Al-Nahl : 90.



<p>Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 59:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾</p>	9
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”</i></p>	10
<p>Manakala dalam Hadis pula, Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>الَسَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ</p>	11
<p><i>“Dengar dan taat adalah menjadi kewajipan seorang muslim samada ia suka atau benci sesuatu suruhan itu selagi mana tidak disuruh kepada maksiat, maka jika disuruh untuk melakukan maksiat, maka tiada lagi untuk dengar dan taat suruhan itu.”</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p>	12
<p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Tarikh 11 Disember 2019 bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H yang akan datang, kita akan menyambut ulang tahun keputeraan DYMM Sultan Selangor ke-74.</p>	13



<p>Bersama-samalah kita mendoakan semoga DYMM Tuanku sentiasa mendapat hidayah dan inayah Allah SWT untuk meneruskan pemerintahan baginda dengan taqwa dan adil di negeri yang aman dan maju ini.</p> <p>Kita juga berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Sultan sentiasa istiqamah dalam perkembangan semasa khususnya dalam meningkatkan syiar Islam dalam negeri ini. Contohnya memperkasa institusi masjid, pendidikan Islam, institusi zakat dan wakaf serta pembangunan sosio ekonomi ummah.</p>	14
<p>Disamping itu, kita juga hendaklah sentiasa menyokong segala usaha Tuanku untuk menyekat sebarang penyebaran ajaran sesat seperti Syiah, Hizbut Tahrir, Millah Abraham dan lain-lain lagi. Untuk menghadapi cabaran ini, umat Islam di negeri ini mestilah berpegang teguh kepada ajaran dan amalan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah SWT,</b></p>	15
<p>Sesungguhnya Tuanku telah berkenan menjadikan Negeri Selangor penanda aras kepada kemunculan rantau ini sebagai pemimpin peradaban dunia Islam. Ini bertepatan dengan kemajuan sesebuah negara itu amat bergantung kepada urus tadbir yang mantap dan penerapan prinsip keterbukaan, integriti dan bertanggungjawab. Kekayaan hasil mahsul yang diperolehi tidak akan disalah guna atau hilang melalui budaya rasuah, sebaliknya akan dikembalikan kepada rakyat melalui program-program pembangunan. Khazanah negara yang dianugerahkan oleh Allah SWT pasti akan pupus sekiranya para pemimpin bergelumang dengan amalan rasuah, salah guna kuasa dan tamak haloba.</p>	16
<p>DYMM Sultan Selangor mengajak seluruh rakyat mengambil iktibar daripada sejarah yang telah berlaku di mana kuasa-kuasa besar dahulu runtuh dan hancur akibat budaya rasuah, fitnah-memfitnah yang berleluasa dan gaya kehidupan yang bermewah-mewah.</p>	17
<p>Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Israk ayat 16 dan 17:</p> <p>وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾ وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنَ الْقُرُونِ مِنْ بَعْدِ نُوحٍ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿١٧﴾</p>	18



<p><i>"Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya. Dan berapa banyak umat-umat yang Kami telah binasakan sesudah zaman Nabi Nuh; dan cukuplah Tuhanmu (Wahai Muhammad) mengetahui lagi melihat akan dosa-dosa hamba-Nya."</i></p>	19
<p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Islam adalah agama yang amat mementingkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Lantaran itu, umat Islam hendaklah mengetepikan sikap suka menghina, mencela dan memfitnah serta berperasaan hasad dengki demi memastikan terbinanya ukhwah Islamiah yang kukuh.</p>	20
<p>Sebagai Raja dan Ketua Agama Islam di negeri ini, Baginda menegaskan bahawa memelihara kemuliaan agama Islam serta maruah junjungan besar Nabi Muhammad SAW adalah tuntutan utama dalam maqasid syariah dan menjadi tanggungjawab umat Islam agar sentiasa mempertahankannya.</p>	21
<p>Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT atas nikmat dan anugerah keamanan serta kedamaian dalam negeri ini dengan menjunjung setinggi kasih kepada DYMM Sultan kerana peranan yang dimainkan oleh Baginda dalam menyebarkan dan memelihara kesucian agama Islam.</p>	22
<p>Kita juga menjunjung kasih atas keprihatinan baginda terhadap permasalahan dan kepentingan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama. Tanggungjawab yang dipikul oleh baginda Tuanku amatlah berat. Justeru itu, selaku rakyat hendaklah memahami dan memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuanku.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</b></p>	23



<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati dan mengambil panduan daripada perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa ketaatan kepada Allah, Rasul dan pemimpin adalah tuntutan agama Islam.</li><li>2. Umat Islam hendaklah menjauhi perkara-perkara yang boleh merosakkan hubungan antara raja dan rakyat.</li><li>3. Umat Islam hendaklah sentiasa memperkukuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT bagi meraih keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT.</li></ol>	24
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾</p>	25
<p><i>"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."</i></p> <p>(al-Aa'raf : 96).</p>	26
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	27
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	28



## KHUTBAH KEDUA

<p>1 الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَخَدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>2 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b> Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar...</p>	3
<p>menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam....</p>	4
<p>.... Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:</p>	5
<p>6 إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	6
<p>7 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	7
<p>8 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	8



<p>اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى اَنْتَ حَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	9
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صِلَاحُ الدِّيْنِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيْ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكُو اَمِيْر شَاهِ اِبْنِ اَلسُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج</p>	10
<p>فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat,</p>	13
<p>lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	14
<p>Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18